

URBAN

Penyelam berkampung di PWTC

Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR
 khadijah.mohamadnor@kosmo.com.my



PAMERAN MIDE 2009 yang berlangsung baru-baru ini berjaya menggamit kehadiran ribuan pengunjung.

MENEROKA keindahan alam di dasar laut menerusi aktiviti selam skuba kini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

Jika dahulu, aktiviti ini hanya dilakukan oleh golongan berkemampuan, tetapi kini lain pula senarionya.

Pada masa ini, semakin ramai yang melibatkan diri dalam aktiviti ini.

Menyaksikan dunia bawah air yang dipenuhi pelbagai spesies ikan, batu karang dan hidupan marin yang lain mampu memberi kepuasan kepada mereka.

Perkara ini diakui oleh seorang juruselam profesional, Cyrena Yong. Menurut Yong, aktiviti selam skuba kini sudah menjadi satu trend dalam masyarakat dan golongan muda.

"Pada zaman sekarang, aktiviti selam skuba semakin popular. Walaupun sebelum ini ramai yang berpendapat hanya orang kaya saja yang mampu melakukannya, tetapi persepsi itu sudah berubah.

"Masyarakat sudah mula melihat aktiviti ini sebagai satu keseronokan yang sukar digambarkan. Oleh itu, mereka tidak teragak-agak untuk mengambil lesen," kata Cyrena yang merupakan jurulatih selam di Dolphin Sport Adventure.

Pengunjung



NAZARITA ABDULLAH, MAHMUD ABU BAKAR & CYRENA YONG

Pendapat Cyrena ada benarnya. Buktinya dapat dilihat sewaktu penganjuran Pameran Selam Antarabangsa [Malaysia](#) (MIDE) 2009 yang berlangsung pada 3 hingga 5 Julai lalu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Ribuan pengunjung yang menghadiri pameran tersebut rata-ratanya ialah peminat sukan selam skuba.

Nazarita Abdullah Sani, 28, sudah enam tahun terlibat dalam aktiviti ini. Ibu tunggal kepada tiga cahaya mata ini sanggup meluangkan masa menyelam di beberapa buah lokasi menarik sama ada di dalam mahupun di luar negara.

"Aktiviti menyelam adalah salah satu perkara wajib dalam hidup saya. Sejak menceburinya, saya sudah jatuh cinta dengan selam skuba. Pelbagai spesies hidupan laut juga boleh ditemui dan dilihat secara dekat.

"Apabila menyaksikan keajaiban dunia marin yang penuh warna-warni, ia memberi satu kepuasan yang sukar digambarkan.

"Walaupun sukan selam skuba memerlukan kita mengeluarkan belanja yang agak banyak, tetapi ia amat berbaloi," jelas Nazarita ketika ditemui *Kosmo!* sewaktu pameran MIDE baru-baru ini.

Impak negatif

Bagaimana dengan perkembangan sukan selam skuba di Malaysia?

"Bukan orang dewasa saja, malah orang muda dan kanak-kanak juga sudah terdedah dengan aktiviti sebegini. Secara umumnya, perkembangan ini harus dilihat secara positif.

"Bagaimanapun, sebagai salah seorang penyelam senior, saya merasakan perkara ini juga ada impak negatifnya. Ini kerana bagi penyelam yang masih baru, mereka selalu atau sering merosakkan terumbu karang yang terdapat di dasar laut.

"Justeru, mereka harus lebih berhati-hati ketika melakukan aktiviti tersebut dan mendengar nasihat jurulatih," pinta Nazarita.

Bagi jurulatih selam Ed Scuba, Ahmad Amri Abdullah, pihaknya sering menekankan kepentingan pemeliharaan hidupan laut kepada individu atau mereka yang berminat menjadi penyelam.

"Seiring dengan peredaran zaman, aktiviti selam skuba turut menerima tempas akibat popularitinya. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kami untuk melatih penyelam-penyelam baru supaya menjalankan aktiviti tanpa menyebabkan kerosakan pada terumbu karang mahupun hidupan laut yang lain.

"Maka, apabila setiap penyelam mengetahui tentang kepentingan memelihara khazanah lautan dalam yang tidak ternilai harganya itu, sudah tentu mereka akan berusaha menghindari perkara yang dimaksudkan (merosakkan hidupan laut seperti terumbu karang).

Seorang lagi pengunjung, Mahmud Abu Bakar, 44, berkata, sejak penglibatannya melalui aktiviti selam skuba sedekad yang lalu, dia dapat meneroka keindahan dan keajaiban alam ciptaan Tuhan.

"Pada mulanya, saya cuma mengikut kawan-kawan sahaja. Tetapi, lama-kelamaan aktiviti menyelam mendatangkan keseronokan dan akhirnya terus membuatkan saya berkecimpung dalam dunia selaman.

"Apa yang penting, jika mahu menjadi penyelam, setiap orang perlu ada sifat ingin tahu mengenai kehidupan di dasar laut dan berani. Bagi saya, selagi mempunyai kekuatan dan terdaya, saya akan teruskan aktiviti ini bersama keluarga," ujar pengurus bank ini yang sering menyelam di tempat-tempat eksotik seperti Pulau Weh di Aceh, Pulau Lembeh, Manado dan Pulau Sipadan, Sabah.

Jika mahu menyertai aktiviti selam skuba, seseorang individu perlu mempelajari ilmu-ilmu asas mengenainya. Antaranya termasuklah pengenalan terhadap skuba, snorkeling, mengendalikan peralatan menyelam, mengimbangi badan dan mengetahui keselamatan diri ketika berada di dalam air.

Setelah mempelajari dan mengetahui ilmu-ilmu tersebut, barulah aktiviti selam ini dapat dilakukan tanpa sebarang risiko yang boleh menjejaskan keselamatan diri apabila berada di dasar laut.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti selam skuba, antara laman web yang boleh dilayari ialah www.dolphinsportadventure.com atau www.edscuba.com.

Rencana Utama!>>



Mistik sebuah bandar diraja

- [1,001 kisah di Siem Reap](#)
- [Murah tapi ada kualiti](#)
- [Lambakan buku asli baru](#)
- [Filem 'kita' dan kesakitan!](#)
- [Sekilas catatan ringgit filem Melayu](#)
- [Pilih yang ada https://](#)
- [Dera anak kerana cerai](#)
- [Lakonan paling susah](#)
- [Rahsia drama radio bertahan](#)



AKTIVITI selam skuba membolehkan seseorang itu menerokai keindahan dasar

[Pemotoran!>](#)



[Jentera harapan di Australia](#)

- [Volvo XC60](#)
- [Godaan kereta elektrik](#)
- [RON95 vs RON97](#)
- [Membangunkan semula LCC](#)
- [Lepak kedai elak sesak](#)
- [Toyota: Mendahului pasaran dunia](#)
- [Idam Vios, dapat Myvi](#)
- [Prestasi lebih berkuasa](#)
- [SUV lebih mewah](#)

[Horizon!>](#)



[Tampal kovok lawan mabuk laut](#)

- [Perhimpunan sukan lasak](#)
- [Meneroka keindahan Rawa](#)
- [Berhujan di Irau](#)
- [Nostalgia lokomotif Seri Menanti](#)
- [Privasi di Laut Bali](#)
- [Mencari Tiger Wood Malaysia](#)
- [Menjejak puncak Sindoro](#)
- [Layanan kelas pertama di dua kota](#)
- [Bekas kamera kalis air](#)

[Varia!>](#)



[Program konservasi Orang Utan](#)

NEW Hope For Orang Utan School Programme menyuntik kesedaran kepada warga muda.

- [Pasar borong Melayu Kemboja](#)
- [Jelajah Clinique 2009](#)
- [Kayuhan 800 km Becaman](#)
- [Mozarella susu kerbau](#)
- [Seni kraf kek fondant](#)
- [Sasarkan 200,000 botol percuma Revive](#)
- [Semai amalan kitar semula](#)
- [Ajar tebar roti canai](#)
- [Pelajar INTI bertemu bakal majikan](#)

Iklan@KOSMO!**Artikel-artikel di URBAN :**

- » [Penyelam berkampung di PWTC](#)
- » [Kelainan untuk pencinta haiwan](#)
- » [Damai Seri Putra](#)
- » [Santai di Al-Ghufran](#)
- » [Lewat malam lagi meriah](#)
- » ['Berperang' bola cat](#)
- » [Cari harta karun Mid Valley](#)
- » [Peniaga bazar diancam penagih dadah](#)
- » [Hiburan Kota](#)
- » [Konsep tentera kafe CT-ONE](#)

**Iklan@KOSMO!****Alam Damai****Bila hitam sangat menawan**

Pemilihan tiga warna kontra – merah, hitam dan putih, menimbulkan mood tersendiri di kediaman kontraktor pembinaan, Izwan Affendy. [Lagi...](#)

Infiniti**Lampu LED lebih 'hijau'**

Lampu konvensional lazimnya perlu ditukar setiap 15 bulan manakala lampu LED mampu bertahan sehingga 10 tahun. [Lagi...](#)

Kesihatan**Bahu beku punca sakit**

Sindrom bahu beku juga terjadi apabila seseorang jarang menggunakan bahunya yang sakit. [Lagi...](#)

Iklan@KOSMO!

Pautan Lain: [Utusan Online](#) | [Mangga Online](#) | [Saji Online](#) | [ezTrade Beta](#) | [Kareer](#) | [Tutor](#) | [Mangga TV](#) | [MyBooks](#) | [Kumpulan Utusan](#) |

Copyright © 2008. KOSMO! Online.